

UNISSA semarakkan Aidiladha dengan ibadah korban

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Sebagai memuliakan dan meraikan Sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada Isnin, 3 Ogos 2020, yang bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Sebanyak empat ekor kerbau dikorbankan berdasarkan pendaftaran yang diterima. Untuk tahun ini, UNISSA menggunakan perkhidmatan bekalan dan penyembelihan daripada Syarikat Hajah Fatimah binti Haji Bungsu & Anak-Anak. Sementara itu, seramai 28 peserta menyertai ibadah korban berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Majlis turut dihadiri oleh Penolong-penolong Rektor, Pegawai-pegawai Utama, Tenaga-tenaga Akademik serta kakitangan UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan Pelajar, Dr. Supri bin Haji Sudin selaku Pengerusi Majlis.

Tetamu kehormat seterusnya dijemput untuk memulakan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PEMANGKU Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (kanan) mengagihkan daging korban kepada peserta Majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha.

pengagihan daging korban kepada para peserta ibadah korban berkenaan.

Majlis berkenaan pada tahun ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UNISSA dengan kerjasama daripada Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA.

Aktiviti tahunan ini diadakan

sebagai tanda memuliakan dan menyemarakkan lagi Hari Raya Aidiladha di UNISSA dan juga bagi sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan sekali gus mengeratkan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan warga UNISSA dan masyarakat Brunei.

PSI beri manfaat kepada ibu, anak damit



KERANI Jurubahasa Mahkamah, Dayang Selaham binti Haji Bujang bersama empat orang anak lelaki beliau.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Rabu, 5 Ogos. - Penyusuan Susu Ibu (PSI) penting untuk nutrisi dan imunisasi anak damit. Ia memberikan banyak kelebihan psikologi pada ibu juga kebaikan pada anak.

PSI memberikan seribu kebaikan kepada bayi dan ibu. Kesan baik ini, bukan hanya

ketika bayi masih kecil, namun ia berkekalan di sepanjang hayatnya.

Kebaikan ini meliputi kesan terhadap perkembangan fizikal, mental, emosi juga pembentukan peribadi seorang anak.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Kerani Jurubahasa

Mahkamah, Dayang Selaham binti Haji Bujang, ibu kepada empat orang anak lelaki menjelaskan, sejak anak pertama, beliau melaksanakan tugas menyusukan mereka semua dengan PSI secara eksklusif hingga berusia dua tahun.

Anak-anak beliau, iaitu Awang Md. Edy Sham Reduan, 10 tahun; Awang Md. Amir Firdaus, 7 tahun; Awang Md. Anuar Hakeem, 5 tahun; dan Awang Md. Anas Mikael, 1 tahun 9 bulan.

Beliau melahirkan rasa puas hati dan bangga kerana berjaya menyusukan anak-anaknya, selain mendapat dorongan juga sokongan kuat daripada ibu beliau, Dayang Hajah Ainah binti Haji Suhaili, yang turut mempraktikkan PSI kepada dirinya dan adik-adiknya sehingga mereka masing-masing berusia dua tahun.

Dayang Selaham menyarankan kepada para ibu-ibu agar jangan pernah mengalah untuk memberikan PSI kepada anak-anak, kerana ia adalah perkara yang sangat digalakkkan di dalam Islam.

Menyusukan anak-anak bukan hanya mendapat pahala, ia juga merupakan sumber nutrisi berkhasiat dan banyak kebaikan di dalamnya untuk anak juga ibu, selain jimat daripada membeli susu formula dan botol susu, tambah beliau.

Susu ibu mengandungi *immunoglobulins* untuk memberikan imunisasi yang diperlukan, dengan menyusu susu ibu boleh memberikan antibodi untuk melawan sebarang jangkitan penyakit dengan mudah.

Anak damit yang menyusu



Padah memeras ugut

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan dua kali sebatan ke atas Mohammad Amirul Azem bin Brahim.

Hakim Muhammad Faisal bin PDJLD Kol. (B) DSP Haji Kefli menjatuhkan hukuman itu di atas tiga pertuduhan di bawah Seksyen 385 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Mohammad Amirul Azem, berumur 35 tahun, melakukan kesalahan memeras ugut jurujual-jurujual Rumah Gelato dengan meminta bayaran sebanyak BND100 pada 4 Jun 2020; BND150 pada 5 Jun 2020; dan BND100 pada 13 Jun 2020.

Pada kejadian tersebut, defendan meminta Rumah Gelato untuk bertanggungjawab ke atas anak perempuan defendan setelah memakan ais krim, bercampur dengan lipas dan membayar rawatan perubatan yang diperlukan oleh anak perempuan defendan akibat memakan ais krim berkenaan.

Defendan memberitahu salah seorang daripada jurujual untuk menyerahkan wang BND100 yang kononnya diarahkan oleh majikan Rumah Gelato.

Defendan juga menggertak untuk menyebarkan ke media sosial jika Rumah Gelato tidak memberikan wang tersebut.

Dalam kenyataan Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli turut menyatakan defendan mengakui kesemuanya wang tersebut digunakan bagi tujuan untuk membayar tempat penginapan hotel defendan dan perjudian.

Dalam rekod tertuduh mencatatkan, tertuduh pernah melakukan kesalahan mencuri sebelum ini.

Mengaku bersalah memakan dadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Hukuman tiga tahun penjara bagi setiap pertuduhan dijatuhkan ke atas seorang lelaki warga tempatan di Mahkamah Majistret, di ibu negara.

Bolhasan @ Aziz bin Haji Jaafar mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman itu bagi dua pertuduhan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Yang Arif Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu menjatuhkan dan menetapkan hukuman bagi kedua-dua pertuduhan itu dijalankan secara serentak bermula hari ini.

Bolhasan @ Aziz melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(b) kerana memakan dadah terkawal jenis 'A', Methylamphetamine dalam serbuan pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik pada Oktober 2014; dan Ogos 2015.

Hasil ujian air kencing tertuduh didapati positif mengandungi dadah.

Dalam rekod tertuduh sebelum ini pernah melakukan kesalahan yang sama, iaitu memakan dadah terkawal.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Normahirah binti Rosli.

badan akan jarang ke hospital kerana cirit-birit atau jangkitan saluran pernafasan, bahkan anak damit yang menyusu secara eksklusif juga jarang mendapat gangguan saluran *gastroesophageal reflux disease*.

Kalsium dalam penyusuan amat penting kerana anak damit akan menarik nutrisi kalsium ibu ke dalam tubuhnya, maka kalsium penting untuk ibu yang menyusukan anak damit.

Penyusuan badan mempunyai kebaikan jangka panjang pada perkembangan emosi dan psikologi anak damit, bukan itu sahaja, anak damit yang menyusu badan juga mendapat kuantiti makanan yang betul.

Proses melahirkan merupakan saat yang paling ditunggu oleh

seorang wanita, bergelar ibu.

Sepanjang tempoh mengandung, doktor sentiasa menasihatkan agar ibu mengamalkan minum susu atau produk tenusu untuk bantu membekalkan kalsium pada tubuh ibu kerana ia akan diambil oleh anak damit untuk perkembangannya sehingga berumur dua tahun.

Pengambilan kalsium tidak boleh dipandang ringan dan mendapatkan kalsium yang bagus bagi PSI adalah sangat penting juga wajib untuk ibu mengambil makanan yang mengandungi tinggi kalsium.

Selain itu, ia dapat mencegah penyakit osteoporosis, penyakit yang disebabkan oleh kekurangan kalsium yang boleh terjadi pada ibu, walaupun umur masih muda.

SUSU ibu mengandungi 'immunoglobulins' untuk memberikan imunisasi yang diperlukan, dengan menyusu susu ibu boleh memberikan antibodi untuk melawan sebarang jangkitan penyakit dengan mudah.